



momen

Kedegilan Awang Hitam

kosmo 18/12/2011
MAS 12

Pelajar Afrika yang melarikan diri daripada pihak berkuasa di ibu negara mula melakukan onar di negeri lain.

Oleh SITI NOR AFZAN KASIMAN, KUMARA SABAPATTY dan ROSLI HASSAN
ahad.kosmo.com.my

MINGGU lalu, seorang lelaki Nigeria mati ditembak polis selepas mengamuk kerana gagal melepaskan diri daripada tahanan polis ketika diberi rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Dalam kejadian itu, suspek dikatakan bertindak agresif selepas beberapa ketulan dadah yang ditelan dipercayai pecah di dalam perutnya.

Akibatnya, lelaki bertubuh besar dan sasa itu mampu merentap gari di tangannya sehingga terputus lalu terpelanting dan ter-



WANITA Afrika turut terlibat dalam kegiatan pelacuran terutamanya di sekitar Lembah Klang.



SEORANG warga Afrika menyorok di atas tangki tandas ketika serbuan Ops 6P di Nilai baru-baru ini.

EKSTRA
Kes wanita diperdaya bawa dadah

● Nur Dhiya Ain, 19, gadis tempatan yang menghilangkan diri kerana dipercayai mengikut kenalannya, seorang warga Afrika, ditahan polis Afrika Selatan di Lapangan Terbang Cape Town kerana membawa 1.2 kilogram dadah jenis syabu pada 14 Ogos 2010.

● Seorang gadis berasal dari Sarawak

pasasi dari Sarawak yang menuntut di sebuah kolej di ibu negara ditahan di Shenzhen, China, selepas dikesan cuba menyeludup 100 biji kapsul dadah jenis heroin seberat 700 gram dengan cara menelannya sebelum ke negara tersebut, pada 29 Mac 2010. Dia dikatakan diperdaya lelaki Afrika yang baru dikenalnya melalui laman sosial, Facebook.

● Polis berjaya menumpaskan satu sindiket penyeludupan dadah yang didalangi empat warga Afrika dan seorang rakyat tempatan pada 7 Disember 2011. Wanita yang direkrut untuk menyeludup dadah kokain seberat 1.76 kilogram dianggarkan bernilai RM500,000 itu disorok dalam ruang khas sebuah beg yang diubahsuai.

Lebih mencemaskan, lelaki berusia 31 tahun itu bertindak ganas memecahkan tingkap wad untuk melarikan diri namun gagal kerana terdapat jaring di luar bingkai tingkap tersebut.

Sedar cubaannya gagal, suspek naik berang dan bertindak menyerang jururawat, anggota polis dan pesakit lain dengan menggunakan besi katil.

Situasi bahaya yang mengancam keselamatan kakitangan hospital serta pesakit itu memaksa seorang anggota polis melepaskan sedas tembakan yang mengenai bahu suspek.

Bagaimanapun, suspek nekad untuk menyerang anggota polis terbabit dengan besi katil sehingga memaksa dua lagi das tembakan dilepaskan yang mengakibatkan kematiannya di lokasi kejadian.



KEBANYAKAN kesalahan yang dilakukan oleh pendatang Afrika ialah memiliki dokumen perjalanan palsu dan tinggal melebihi tempoh di negara ini.

Pas pelajar

Suspek yang masuk secara sah ke negara ini 1 Disember lalu ditahan sehari selepas itu kerana menimbulkan kekecohan. Dia juga disyaki terlibat dalam kes dadah.

Selepas ditahan dan dibawa ke balai polis untuk soal siasat, polis berjaya mengarahkan lelaki itu mengeluarkan sembilan ketulan dadah jenis syabu yang ditelannya sebelum memasuki negara ini.

Suspek kemudian dibawa ke HKL untuk menjalani ujian imbasan. Pihak hospital mengesan beberapa ketulan dadah di dalam ususnya.

Hasil bedah siasat yang dijalankan mendapati sebanyak 21 ketulan dadah berada di dalam perut suspek.

Selain itu, polis turut menemui 12 ketulan dadah di dalam bilik-hotel didiaminya. Kesemua 46 ketulan dadah seberat 831 gram itu

bernilai RM130,000.

Bukan hendak mengiyakan, tetapi kes yang melakar sejarah tersendiri di HKL ini secara tidak langsung mengundang persepsi negatif terhadap puluhan ribu warga Afrika di negara ini.

Mana tidaknya, hampir setiap hari ada saja berita mengenai jenayah atau penipuan yang dilakukan mereka.

Itu belum lagi di campur dengan aduan warga tempatan yang sudah muak dan bimbang memikirkan keselamatan di kawasan kejiranan kerana setiap hari mereka terpaksa berdepan dengan perlakuan kurang sopan dan budaya liar yang menjadi sebahagian daripada cara hidup kumpulan Afrika ini.

Lebih buruk, kita semakin kerap didedahkan dengan kejayaan Awang Hitam ini memperdayakan warga tempatan untuk dijadikan keldai dadah dan kambing hitam dalam jenayah lain.

Meneliti semula kes jenayah melibatkan warga Afrika sebelum ini, kebanyakan yang ditahan mengaku mereka adalah pelajar kolej swasta dan ia dibuktikan melalui kad pelajar yang sentiasa dibawa bersama.

Sebelum ini, Ketua Polis Selangor, Datuk Tun Hisan Tun Hamzah pernah meluahkan kebimbangannya terhadap trend kolej swasta yang memudahkan rakyat asing terutama dari benua Afrika mendapatkan pas pelajar tanpa diwajibkan menghadiri kelas kerana ia didapati meningkatkan masalah jenayah khusus-

nya pengedaran dadah.

Kebimbangan itu memang berasas kerana hampir setiap hari polis memberkas pengedar dadah terdiri daripada warga asing terutama dari Nigeria.

Lebih merunsingkan, ujar Tun Hisan, hampir setiap minggu, polis dan Jabatan Imigresen merampas antara empat hingga 12 kilogram dadah yang cuba diseludup melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) di Sepang.



TUN HISAN

Lagak samseng

“Ini (masalah salah guna pas pelajar) adalah serius kerana ia boleh meningkatkan kejadian jenayah khusus-

nya pengedaran dadah, pelacuran dan penipuan,” katanya.

Kebelakangan ini, Jabatan Imigresen dengan kerjasama pihak penguat kuasa lain serius bertindak mengempur kubu Awang Hitam di seluruh negara.

Sungguhpun begitu, kumpulan warga Afrika ini tidak gentar, bahkan berani berlagak samseng apabila diminta mengemukakan dokumen pengenalan diri.

Malah, Khamis lalu, beberapa anggota Jabatan Imigresen di Melaka cedera ketika cuba memberkas tujuh warga Afrika dalam ‘Ops Gagak Hitam’ di bandar raya itu.

Menurut Pengarah Imigresen Melaka, Kamaluddin Ismail, dalam insiden yang pertama kali berlaku dalam tempoh empat bulan ops tersebut dilancarkan di Melaka, beberapa anggota dan pegawai penguat kuasa Imigresen

KOSMO 18/12/2011
M. 13.

◀ Melaka cedera.
Kejadian itu berlaku ketika anak buahnya memeriksa sekumpulan Awang Hitam yang sedang makan di sebuah restoran di Kota Laksamana.



KUNALAN cedera di rusuk kiri, lengan dan lutut semasa Ops Awang Hitam, Khamis lalu.

“Seorang pegawai, R. Kunalan, 29, mengalami cedera teruk di rusuk kiri selain di lutut dan lengan kerana ditumbuk serta dilempar kerusi oleh seorang suspek,” kata Kamaluddin ketika dihubungi *Jurnal*.

Berpindah

Tambahnya, selepas mencederakan Kunalan, kedua-dua suspek berkenaan melarikan diri namun berjaya diberkas semula.

Walaupun mengalami kecederaan ketika operasi menangkap Awang Hitam, ia tidak sedikit pun melemahkan semangat Kunalan daripada terus menangkap mereka pada masa akan datang.

Menceritakan detik-detik diserang, dia memberitahu, ketika dia melakukan pemeriksaan, dua warga Nigeria cuba melarikan diri sebaik dia dan anggotanya memperkenalkan diri.

“Mereka meradang apabila anggota saya meminta mereka mengeluarkan dokumen perjalanannya.

“Apabila gagal menunjukkan dokumen sah, mereka bertindak ganas dengan menyiku dan membaling kerusi ke arah anggota yang cuba menahannya.

“Ketika bergelut untuk menangkap

mereka, saya telah terjatuh sehingga menyebabkan luka di lutut dan siku,” katanya ketika ditemui *Jurnal* baru-baru ini.

Dalam serbuan tersebut, pemeriksaan mendapati tiga daripada mereka memiliki pas pelajar palsu manakala empat lagi tidak memiliki dokumen pengenalan diri.

Sempat berkongsi pengalamannya mengendalikan warga Afrika, Kamaludin berkata, pendatang dari Afrika terutamanya Nigeria berani menggunakan pas pelajar palsu demi menjalankan pelbagai aktiviti jenayah.


“Mat Afrika ini sering ditahan kerana kesalahan *black money*, penipuan Internet, dadah, pelacuran dan masalah sosial seperti mabuk dan menggoda rakyat tempatan.

“Bagaimanapun, mereka tidak banyak di Melaka.

“Biasanya apabila ditahan, pemeriksaan pas pelajar menunjukkan mereka datang dari Kuala Lumpur,” katanya.

Kamaludin tidak menolak kemungkinan kumpulan yang mencederakan anggotanya itu melarikan diri daripada pihak berkuasa di ibu kota.

“Mereka sentiasa melarikan diri ke negeri lain dan mencetuskan masalah di kawasan baru dan kita menjalankan serbuan berpandukan aduan orang ramai dan risikan dalaman,” katanya.



MUKA warga Afrika ini cedera selepas bergelut dengan penguat kuasa dalam satu serbuan di Puchong baru-baru ini.



momen

EKSTRA
Jenayah
warga Afrika

● 30 Mei 2008 - Sekumpulan pelajar Afrika dari sebuah kolej swasta di Mantin Negeri Sembilan, diserang sekumpulan kira-kira 100 pelajar kolej sama dan turut disertai penduduk di taman perumahan berhampiran akibat perasaan tidak puas hati membangkitkan hubungannya antara pelajar Afrika dan pelajar tempatan di kolej swasta di situ.

● Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kuala Lumpur pada 13 Februari 2009 berjaya menumpaskan dua sindiket penipuan *black money* dan merampas AS\$12.5 juta (RM45.7 juta) wang palsu berikutan penahanan enam suspek termasuk empat pelajar lelaki warga Afrika dalam satu serbuan di sebuah hotel di Kuala Lumpur.

Pandai menipu dan aksi ala mafia

KETUA Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Kang Chez Chiang, memberitahu tindakan warga Afrika yang dianggap ganas belum sampai ke tahap ala mafia walaupun selepas peristiwa lelaki Nigeria mengamuk di Hospital Kuala Lumpur awal bulan ini.



KANG CHEZ CHIANG

Katanya, imigran itu bertindak agresif sekiranya berlaku persefahaman antara mereka khususnya

berkaitan teman wanita atau sebarang aktiviti polis seperti operasi tangkapan dan pemeriksaan.

"Biasanya jika berlaku serbuan, mereka akan bertindak agresif dan mengganas. Mereka bertindak begitu kerana mahu mempertahankan diri tanpa menggunakan senjata.

"Apa yang sering berlaku semasa pemeriksaan ialah mereka akan cuba menipu dengan mendakwa dirinya pelajar kolej, tetapi



KEBANJIRAN warga Afrika di taman perumahan sering mengundang rasa tidak selesa penduduk tempatan gara-gara perlakuan tidak senonoh.

hasil pemeriksaan akan mendedahkan penipuannya.

"Selepas penipuannya terbongkar, mereka akan cuba melepaskan diri dan bertindak agresif. Dengan badan bersaiz besar, sasa dan tinggi, mereka dengan mudah boleh menyerang dan mengamuk. Mereka sanggup menggunakan

apa saja benda yang boleh dicapainya bagi mempertahankan diri," ujarinya kepada *Jurnal*.

Tambah beliau, lelaki Afrika selalunya tidak bersenjata walaupun semasa mereka bergaduh sesama sendiri. Sebaliknya mereka sekadar menggunakan kekuatan fizikal untuk memukul.

Pada umumnya, berbanding rakyat Malaysia, lelaki Afrika mempunyai bentuk fizikal yang lebih kuat dan sasa. Rata-rata ketinggian mereka melebihi melebihi 170 sentimeter.

Ia berbeza dengan rakyat Malaysia yang bersaiz kecil serta sederhana.

● Polis menahan dua lelaki Afrika bersama wang palsu RM50, RM100 dan AS\$100 bernilai hampir RM400,000. Mereka ditahan ketika mahu menyerahkan wang palsu itu kepada pembelinya di Seremban pada 15 Ogos 2009.

● Polis melumpuhkan satu sindiket penipuan menghantar bungkusan hadiah palsu yang didalangi lima pelajar warga Nigeria berusia antara 19 dan 30 tahun selepas menyerbu sebuah apartmen di Petaling Jaya dan Seri Petaling pada 9 September 2009.

● Pada 30 November 2009, polis menumpaskan satu sindiket pengedaran wang palsu RM50 dengan tertangkapnya empat lelaki warga Afrika di sebuah apartmen servis di Jalan Ampang Hilir, Ampang.